

28/07/1997

Malaysia bawa usul hak asasi ke PBB (HL)

Hassan Omar

ALOR STAR, Ahad - Kerajaan akan mengkaji untuk membawa usul kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) supaya faktor asas yang mendorong penggubalan Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat dikaji semula, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, faktor asas dalam deklarasi yang digubal kuasa besar dunia 50 tahun lalu itu tidak sesuai dengan perubahan sekarang, terutama perkara yang diperlukan negara dunia ketiga.

Beliau berkata, kuasa besar dunia ketika menggubal deklarasi terbabit pada 1948 tidak memahami keperluan negara miskin yang lebih memberi keutamaan kepada keperluan untuk mendapatkan bekalan makanan sambil tidak menafikan hak asasi manusia seperti kebebasan.

"Kita akan mengkaji sama ada kita boleh membawa perkara ini (kajian semula Deklarasi Hak Asasi Manusia) ke tengah (PBB).

"Saya bersetuju supaya diadakan kajian semula kerana apa yang ditentukan kira-kira 50 tahun lalu sudah tidak sesuai lagi sekarang.

"Negara kuasa besar tidak faham keperluan negara miskin yang mana keutamaan bukan sangat kepada kebebasan tetapi tertumpu kepada bekalan makanan," katanya selepas melawat abang dan kakaknya, Mashahor Mohamad Iskandar, 73, dan Habsah, 76, yang dirawat di Hospital Pusat Pakar Utara (PPU), di sini hari ini.

Penasihat Ekonomi Kerajaan, Tun Daim Zainuddin mengesyorkan supaya deklarasi yang digubal PBB itu dikaji semula berdasarkan ketidaksesuaiannya dengan standard pencapaian manusia sejagat, sekarang.

Akhbar hari ini melaporkan, Daim ketika berucap selepas menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan) daripada Universiti Utara Malaysia (UUM) sempena Konvokesyen Ke-10 UUM, semalam, berkata kajian itu penting bagi menentukan sama ada ia mampu menghasilkan standard pencapaian seragam untuk semua bangsa dan negara.

Menurut Daim, ketika deklarasi itu digubal dan diumumkan pada 10 Disember 1948, PBB hanya dianggotai 40 negara sedangkan kini pertubuhan itu dianggotai 180 negara.

Dr Mahathir berkata, negara miskin lebih mengutamakan hak untuk mendapatkan bekalan makanan berbanding kuasa besar dunia yang lebih mementingkan hak untuk mendapatkan undi berdasarkan deklarasi terbabit.

"(Negara miskin) kalau pun tidak dapat undi... kalau dapat makanan mencukupi tetapi nampaknya Barat lebih nampak hak undi daripada makan... mati pun tidak mengapa," katanya.

(END)